

Perhimpunan UMNO ikut jadual — PM

Oleh ABDULLAH HAMID
dan HAMDEN RAMLI

UM 18 FEB 2003

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Perhimpunan Agung UMNO pada tahun ini perlu diadakan mengikut jadual iaitu bulan Jun dan tidak ditangguhkan ke Oktober.

“Saya tidak nampak apa sebab ia perlu ditangguhkan,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan raptai majlis pembukaan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali

(NAM) ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas Ruangan *Bisik-Bisik Mingguan* oleh Awang Selamat dalam *Mingguan Malaysia* semalam mengenai terdapatnya pandangan supaya Perhimpunan Agung UMNO ditangguhkan ke Oktober agar ia menjadi acara terakhir untuk Dr. Mahathir sebelum beliau mengundurkan diri.

Awang Selamat yang cenderung menyokong pandangan itu berkata, sememangnya elok jika

Dr. Mahathir mengucapkan selamat tinggalnya pada satu upacara parti kerana parti adalah segala-galanya dalam politik.

“Sekiranya perhimpunan itu ditangguhkan ke bulan Oktober, ia akan membolehkan UMNO mengatur satu majlis perpisahan yang penuh bererti buat pemimpin mereka yang juga pemimpin negara yang dihormati dan dikagumi itu,” kata Awang Selamat.

Selain itu, penangguhan itu bagi membolehkan ia disesuaikan dengan suasana peralihan kuasa

Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri pada bulan Oktober ini.

Semalam, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid mengesahkan cadangan mengenai penangguhan itu telah dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UMNO pada Jumaat lalu.

Menurut Megat Junid, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka mengemukakan sendiri cadangan mengkaji semula tarikh Perhimpunan Agung itu pada Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) pada 20 Februari ini.